

Esteem synergy™

Sawar Kulit Stomahesive®

Arahan Penggunaan




Penggunaan tunggal



Baca arahan penggunaan.

#### KEADAAN STORAN



Suhu storan.



Pastikan kering. Elakkan kelembapan tinggi.



Nombor lot/kawalan.

#### PENERANGAN PRODUK


Esteem synergy merupakan dua kepingan sistem ostomi yang terdiri daripada sawar kulit pelekat dan kantung pelekat. Kantung Esteem synergy mesti digunakan bersama-sama dengan sawar kulit Esteem synergy.

Rajah 1a



(1a) Kertas pelepas untuk sawar kulit yang fleksibel (sisi tubuh)


Rajah 1b



(1b) Kertas pelepas untuk sawar kulit hidrokoloid penuh (sisi tubuh)


ATAU

Rajah 2



(2) Zon pendaratan (sisi kantung)

Rajah 3



(3) Gelang pelekat (kantung)

#### INDIKASI

Bagi pengurusan output stoma.

#### LANGKAH BERJAGA-JAGA DAN PEMERHATIAN

**INGATAN:** Perlu berhati-hati apabila menggunakan produk pelekat di sekitar urostomi mengalir, terutamanya apabila dikaitkan dengan megaureter dan ketiadaan takungan air kencing. Jarang sekali, laporan klinikal telah mendokumentasikan kewujudan pelekat di dalam sistem pengumpulan buah pinggang pesakit ini. Sekiranya massa dikesan dalam saluran kencing, nilai penggunaan berterusan produk pelekat dan mulakan pengurusan klinikal yang sesuai.

**Nota:** Sekiranya kerengsaan berlaku, hentikan penggunaan dan rujuk pakar kesihatan.

#### **ARAHAN PENGGUNAAN PERSEDIAAN SAWAR KULIT**

Kulit peristom **mesti** bersih, kering dan bebas daripada sebarang bahan pelarut atau berminyak.




**Untuk sawar kulit dengan bukaan yang dipotong suai**, ukur stoma anda dan pilih saiz sawar kulit pelekat yang sesuai. Lakar garis kasar stoma ke atas kertas pelepas sawar kulit (Rajah 1a atau Rajah 1b). Potong sawar kulit agar padan dengan saiz dan bentuk stoma anda yang sesuai. **Jangan potong melepasi baris terakhir kertas pelepas.**

**Untuk sawar kulit dengan bukaan stoma siap dipotong**, pilih sawar kulit dengan bukaan stoma siap dipotong yang sama saiznya dengan diameter stoma terbesar. **Jangan** besarkan bukaan stoma siap dipotong.

Tanggalkan kertas pelepas.

#### **PEMASANGAN SAWAR KULIT**

Pastikan kulit peristom kekal bersih, kering dan bebas daripada bahan pelarut atau berminyak.



Tengahkan bukaan potong di atas stoma anda dan tekan sawar kulit ke tempatnya. Ratakan hujung dalaman yang paling dekat dengan stoma anda menggunakan jari anda, memegang selama 30 saat, untuk memastikan padanan yang kemas di sekitar stoma.

#### **PEMASANGAN KANTUNG**


Pilih kantung saiz yang sesuai agar sepadan dengan sawar kulit.

Sebelum setiap kedudukan kantung, pastikan bahawa gelang pelekat kantung dan zon pendaratan adalah bersih dan kering. **Jika gelang pelekat kantung basah atau kotor, jangan gunakan kantung. Jika zon pendaratan basah atau kotor, lap dengan kain bersih dan keringkan.**




Sebelum memasang kantung, biarkan sejumlah kecil udara masuk dengan menggoyangkan beg itu dengan perlahan seperti yang ditunjukkan.

Menggunakan Kaedah A atau Kaedah B di bawah, pasang kantung yang sepadan dengan sawar kulit seperti berikut:



Keluarkan kertas pelepas dari gelang pelekat kantung **(3)**.

#### **Kaedah A**



Letakkan jari anda di bahagian bawah zon pendaratan **(2)**. Dengan menggunakan jari anda sebagai panduan, selaraskan gelang pelekat kantung supaya ia sama dengan bahagian bawah zon pendaratan.

Selepas memasang bahagian bawah gelang pelekat kantung, teruskan untuk mengemaskan kantung dengan gerakan menggulung bawah ke atas. Tindakan ini perlu memastikan bahawa stoma anda berada di tengah dan keseluruhan gelang pelekat kantung terletak pada zon pendaratan. Untuk memastikan kantung selamat di seluruh zon pendaratan, menggerak-gerakkan jari anda di sekeliling gelang pelekat kantung untuk memastikan ia licin, dan bebas daripada gelembung dan kedutan. Gelembung dan kedutan boleh mewujudkan laluan untuk kebocoran. Sekiranya anda mengalami kesukaran untuk mengemaskan kantung, kantung boleh dikeluarkan dan dipasang semula.

#### Kaedah B



Gelang pelekat kantung boleh dilipat separuh tanpa menyentuh pelekat dengan menggenggam kantung di luar gelang pelekat dan lipatan seperti yang ditunjukkan di atas. Jajarkan bahagian bawah gelang pelekat kantung dengan bahagian bawah zon pendaratan. Selepas memasang bahagian bawah gelang pelekat kantung, teruskan untuk mengemaskan kantung dengan gerakan menggulung bawah ke atas. Tindakan ini perlu memastikan bahawa stoma anda berada di tengah dan keseluruhan gelang pelekat kantung terletak pada zon pendaratan. Untuk memastikan kantung selamat di seluruh zon pendaratan, menggerak-gerakkan jari anda di sekeliling gelang pelekat kantung untuk memastikan ia licin, dan bebas daripada gelembung dan kedutan. Gelembung dan kedutan boleh mewujudkan laluan untuk kebocoran. Sekiranya anda mengalami kesukaran untuk mengemaskan kantung, kantung boleh dikeluarkan dan dipasang semula.

#### MENGURUSKAN SISTEM KANTUNG




Untuk membolehkan gas keluar, tarik ke belakang tab sedikit. Pastikan bahawa gelang pelekat kantung dan zon pendaratan bersih dan kering sebelum memasang semula beg. **Jika gelang pelekat kantung tidak bersih dan kering, kantung tidak boleh digunakan semula. Jika zon pendaratan tidak bersih atau kering, lap dengan kain bersih dan keringkan.**



Perubahan warna mungkin muncul di antara gelang pelekat kantung dan zon pendaratan dalam tempoh lapan jam pertama pemasangan. Perubahan warna ini boleh dilihat melalui bahagian belakang zon pendaratan apabila diangkat seperti yang ditunjukkan. Dengan memeriksa zon pendaratan, ada kemungkinan untuk memantau perubahan warna untuk membantu menentukan masa untuk menukar kantung. Adalah disyorkan bahawa kantung perlu diubah sekiranya perubahan warna mencapai 2/3 daripada lebar gelang pelekat kantung.

#### MENGUNAKAN MEKANISME KAWALAN PENAPIS



Anda mesti menutup bukaan penapis dengan penutup penapis lekatan yang disediakan semasa semua aktiviti air (mandi, mandi hujan atau berenang). Ingat untuk menanggalkan penutup selepas aktiviti air selesai dan kantung telah kering.

Sekiranya anda menggunakan kantung yang ditapis empat celahan, gunakan penutup penapis untuk mengawal aliran udara untuk mengelakkan kantung menjadi leper dan mengembung. Biarkan satu celahan terdedah untuk aliran udara minimum. Kedudukan ini akan membantu mencegah menjadi leper.

**Nota kepada pengguna kantung boleh salir dengan penapis:**

- Kantung boleh salir sebelah kanan menggunakan penapis yang direka khusus untuk keperluan individu dengan ileostomi.
- Kantung boleh salir sebelah kiri menggunakan penapis yang direka khusus untuk keperluan individu dengan kolostomi dan tidak seharusnya digunakan oleh individu dengan ileostomi atau najis cecair. Penapis ini hanya mempunyai satu celah yang perlu ditutup semasa mandi, mandi hujan atau berenang.

**PENANGGALAN DAN PEMASANGAN SEMULA KANTUNG**



Untuk menanggalkan atau menempatkan semula kantung, kupas kantung dari zon pendaratan dengan memegang tab pada gelang pelekat kantung dengan satu tangan, dan tepi zon pendaratan dengan yang lagi satu. Kupas kantung ke bawah dengan gerak bergulung atas ke bawah. **Kantung tidak akan dilepaskan jika anda cuba menariknya terus dari sawar kulit.**

Jika zon pendaratan basah atau kotor, lap dengan kain bersih dan keringkan.

**PENANGGALAN SAWAR KULIT**



Untuk menanggalkan sawar kulit dari kulit anda, sokong kulit dengan satu tangan dan perlahan-lahan kupas sawar kulit dari kulit anda.


**MENGGUNAKAN OUTLET INVICLOSE™**

**ARAHAN UNTUK MENUTUP KANTUNG:**




Sistem penutup ekor InvisiClose (1) terdiri daripada penutup keselamatan (A), penutup bercantum (B) dan saluran hujung outlet (C).

Pegang penutup keselamatan di hadapan kantung yang mendedahkan penutup bercantum. (2)



Lipat hujung ekor ke arah anda empat kali dan pastikan penutup bercantum bertindih. (3)

Tekan penutup bercantum bersama-sama sehingga anda merasakan ia mengunci (KLIK) ke tempatnya di sepanjang keseluruhan kepanjangannya. (4)



Balut penutup keselamatan di sekeliling hingga ke belakang kantung (bahagian tubuh) dan tekan penutup bercantum bersama-sama sehingga anda merasakan ia mengunci (KLIK) ke tempatnya. (5)

#### ARAHAN UNTUK MENYALIRKAN KANTUNG:



Pusingkan bahagian belakang kantung (bahagian badan) ke arah anda. Berhati-hati angkat penutup keselamatan ke arah anda untuk membuka kunci. (6)




Sambil memegang penutup keselamatan terhadap bahagian depan kantung, buka kunci penutup bercantum dengan mengangkat di sudut (7) dan bongkar lipatan sebanyak empat kali. (8)



Untuk memudahkan penyaliran dan/atau pembersihan, anda boleh membuka hujung ekor dengan menolak kedua-dua hujung salur hujung outlet menggunakan ibu jari dan jari telunjuk anda. (9)

Seciranya dikehendaki, ekor kantung boleh dibersihkan dengan sabun lembut dan air. Tepuk sehingga kering.

#### MENGGUNAKAN PENUTUP EKOR



Jika anda menggunakan kantung boleh salir, pastikan hujung ekor berada di kedudukannya.

#### PELUPUSAN

Patuhi keperluan/peraturan pelupusan tempatan.

Untuk maklumat lanjut mengenai produk ConvaTec, hubungi kami di alamat di bawah.



ConvaTec Inc.  
Greensboro, NC 27409  
1-800-422-8811

ConvaTec Limited, Deeside, CH5 2NU, UK

[www.convatec.com](http://www.convatec.com)

©2015 ConvaTec Inc.

®/™ menunjukkan tanda dagang ConvaTec Inc.